

Mahasiswa perlu pendedahan kewangan dan pelaburan

► Sempena Program Minggu Pelaburan HE06 2013

KOTAKINABALU: Program Minggu Pelaburan HE06 2013 telah diadakan pada 1-4 April 2013 bertempat di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi

(SPE) UMS.

Program selama empat hari itu dianjurkan oleh Kelab Pengurusan Kewangan & Perbankan (HE06) dan telah

dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Pascasiswazah) SPE, Dr Mohd Rahimie Abdul Karim.

Dalam ucapan perasmianya,

beliau telah memberi penekanan tentang kepentingan para pelajar dalam membuat perancangan kewangan agar mereka tidak dibelenggu oleh

masalah kewangan kelak.

Selain itu, beliau turut berpendapat bahawa pentingnya bagi mahasiswa untuk mempraktikkan segala ilmu apa yang telah dipelajari dalam kelas terutamanya dalam bidang kewangan dan pelaburan kerana ianya dapat membantu mereka memahami dengan lebih jelas serta dapat memberi pendedahan latihan bersifat praktikal di peringkat awal sebelum memasuki alam pekerjaan.

Pengarah Program Minggu Pelaburan HE06, Saudari Fatin Sahira berkata program itu diadakan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa

mengenai kepentingan membuat simpanan dan pelaburan di masa hadapan, disamping menarik minat para pelajar terutamanya pelajar sekolah dalam menjadi seorang pelajar yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi.

Antara program yang dijalankan sepanjang minggu itu adalah Pertandingan Simulasi Saham, Bengkel Perancangan Kewangan, Kuiz Perdagangan dan Ekonomi serta Karnival Jualan yang mana program-program itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja daripada pelajar SPE, tetapi

juga melibatkan penyertaan daripada pelajar IPT dan sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu yang turut mengambil bahagian dalam acara yang dipertandingkan.

Salah seorang peserta Pertandingan Simulasi Saham yang mewakili Institut Sinaran Kota Kinabalu berpendapat bahawa program seperti itu amat bermakna baginya kerana ianya dapat memberi pendedahan dan bertindak sebagai platform kepadanya untuk mempelajari secara praktikal mengenai situasi sebenar membuat pelaburan di dalam pasaran modal, terutamanya pasaran saham.